Published on *Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)* (http://apad.gov.my)



Jumaat, 9 Mac 2018

**KENYATAAN MEDIA**

**FASA 1 MYBAS KUALA TERENGGANU DILAKSANAKAN LEBIH AWAL DARIPADA JANGKAAN**

**9 MAC 2018, KUALA TERENGGANU** ? Pelaksanaan sepenuhnya Fasa 1 myBAS Kuala Terengganu di bawah program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) akan dioperasikan pada 11 Mac 2018, iaitu lebih awal daripada jangkaan sebelum ini (15 Mac 2018).

Laluan-laluan utama baru iaitu T102 dari Kuala Terengganu ke Jeti Merang dan T301 dari Kuala Terengganu ke Marang, bersama-sama laluan T202 (Kuala Terengganu ? Bukit Payung) dan F100 (laluan pengantara Kuala Terengganu) yang telah mula beroperasi 1 Mac lalu, akan melengkapkan pelaksanaan Fasa 1 myBAS Kuala Terengganu, dengan jarak terkumpul hampir 100km. Sebelas (11) bas mini berkapasiti 38 penumpang, telah disediakan bagi pelaksanaan Fasa 1 ini.

**Perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu yang bermula pada 11 Mac 2018:**

| BAS | LALUAN | MAKLUMAT OPERASI |
|---|---|---|
| **T102** | Kuala Terengganu ? Jeti Merang melalui Lapangan Terbang Sultan Mahmud | **Waktu operasi:**<br>Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm<br>Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm<br>Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm<br><br>**Kekerapan:**<br>Waktu puncak - 60 minit<br>Bukan puncak- 90 minit |
| **T301** | Kuala Terengganu ? Marang | **Waktu operasi:**<br>Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm<br>Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm<br>Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm<br><br>**Kekerapan:**<br>Waktu puncak - 60 minit<br>Bukan puncak- 90 minit |

Bagi mendapatkan maklumat terkini yang lebih terperinci mengenai perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu, orang ramai boleh melayari www.maralinergroup.my [1] atau melalui Facebook.com/MARALinerSdnBhd atau Twitter @MaralinerGroup.

**Nota tambahan kepada pengarang:**

**Perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu Fasa 1 yang telah bermula pada 1 Mac 2018:**

| BAS | LALUAN | MAKLUMAT OPERASI |
|---|---|---|
| **T202** | Kuala Terengganu ? Bukit Payung melalui Pasir Panjang | **Waktu operasi:**<br>Ahad-Khamis: 6:00 am?7:30 pm<br>Jumaat: 6:00 am ? 7:30 pm<br>Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm<br><br>**Kekerapan:**<br>Waktu puncak - 60 minit<br>Bukan puncak- 90 minit |
| **F100** | Kuala Terengganu ? Pengantara | **Waktu operasi:**<br>Ahad-Khamis: 6:30 am?7:00 pm<br>Jumaat: 6:30 am ? 7:00 pm<br>Sabtu: 7:00 am ? 7:00 pm<br><br>**Kekerapan:**<br>Waktu puncak - 30 minit<br>Bukan puncak- 30 minit |

|Muat Turun Fail [2]|

# FASA 1 MYBAS KUALA TERENGGANU DILAKSANAKAN LEBIH AWAL DARIPADA JANGKAAN [3]

---

**Source URL:** http://apad.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/2018/fasa-1-mybas-kuala-terengganu-dilaksanakan-lebih-awal-daripada

**Links**
[1] http://www.maralinergroup.my
[2] http://apad.gov.my/sites/default/files/kenyataan_media_-_fasa_1_mybas_kuala_terengganu_dilaksanakan_lebih_awal_daripada_jangkaan.pdf
[3] http://apad.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/2018/fasa-1-mybas-kuala-terengganu-dilaksanakan-lebih-awal-daripada